

MAQASID AL-MAQASID: AL-GHAYAT AL-'ILMIYYAH WA AL-'AMALIYYAH LI MAQASID AL-SYARI'AH. Oleh Ahmad al-Raysuni. Dar al-Kalimah, al-Qahirah, Mesir. 2014. Halaman 144. ISBN: 978-977-311-430-5.

Buku Maqasid al-Maqasid: al-Ghayat al-'Ilmiyyah wa al-'Amaliyyah li Maqasid al-Syari'ah adalah sebuah karya bermakna dalam perbincangan maqasid Syariah. Terjemahan kepada judul buku ini adalah "Tujuan maqasid: matlamat keilmuan dan pengamalan bagi maqasid Syariah." Buku ini adalah hasil tulisan Ahmad bin 'Abd al-Salam bin Muhammad al-Raysuni. Beliau merupakan ulama' dan tokoh permikir kelahiran Maghribi. Ahmad al-Raysuni juga adalah Ketua al-Ittihad al-'Alami li al-'Ulama' al-Muslimin (Kesatuan Ulama Islam Sedunia). Beliau juga banyak menulis buku antaranya Nazariyyah al-Maqasid 'Inda al-Imam al-Syatibi (yang telah diterjemah dalam banyak bahasa), Madkhal ila Maqasid al-Syaria'ah, al-Fikr al-Maqasidi: Qawa'iduhu wa Fawaiduhu dan al-Ijtihad: al-Nas, wa al-Maslahah wa al-Waqi'.

Buku Maqasid al-Maqasid ini juga merupakan antara karya yang berharga. Ulasan akan dilakukan terhadap buku ini berikutnya ia adalah asas penting dalam mempelajari maqasid Syariah. Buku yang diulas ini adalah terbitan Dar al-Kalimah yang bertempat di Kaherah, Mesir yang dicetak pada tahun 2014. Buku ini mengandungi 144 muka surat tidak termasuk kulit hadapan dan belakang. Kandungan buku ini juga mempunyai pendahuluan dan 3 fasal. Setiap fasal mempunyai 2 mabhat (sub topik) dan kemudiannya di sertai isi kandungan dan senarai rujukan.

Fasal pertama buku ini adalah tujuan maqasid dalam konteks kefahaman al-Quran dan al-Sunnah merupakan fasal awal buah fikiran al-Raysuni dalam menjelaskan hakikat perbincangan maqasid yang sebenar. Pada fasal ini terkandung dua al-mabhat atau sub-topik iaitu menjelaskan tentang maqasid al-Quran dan maqasid al-Sunnah. Pada permulaannya al-Raysuni menjelaskan bahawa tidak dinafikan lagi yang di maksudkan maqasid al-Syariah itu adalah merujuk kepada maqasid al-Quran dan maqasid al-Sunnah pada bermulanya perbincangan sehingga pengakhirannya (h. 14). Oleh itu, menurut beliau tidak ada maqasid al-Syariah selain maqasid al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu beliau, tidak bersetuju dengan sebahagian tokoh pemikir semasa yang membezakan fuqaha' nusus (golongan pakar berkenaan nas syarak) dan fuqaha' maqasid (golongan pakar berkenaan maqasid al-Syariah), dengan beranggapan fuqaha' nusus kurang menekankan elemen maqasid manakala fuqaha' maqasid kurang ataupun tidak menekankan nas syarak. Sedangkan fuqaha' maqasid ini adalah juga fuqaha' yang mendalamai nas syarak, bahkan mereka lebih meneliti nas syarak secara lebih mendalam dan menyeluruh (hh. 13-14).

Pada sub topik maqasid al-Quran, al-Raysuni telah menjelaskan mengenai peringkat maqasid al-Quran seperti; maqasid terperinci bagi ayat-ayat al-Quran, maqasid surah dan maqasid umum bagi al-Quran. Menarik untuk ditekankan mengenai maqasid umum al-Quran kerana maqasid inilah menggambarkan tujuan al-Quran dan hukum hakamnya disyariatkan kepada umat manusia. Maqasid umum inilah tujuan tertinggi yang terhasil daripada himpunan hukum-hukum al-Quran. Sehingga maqasid umum al-Quran ini merupakan peringkat utama dalam maqasid Syariah. Al-Raysuni juga menjelaskan metodologi untuk memperolehi maqasid al-Quran ini, iaitu melalui dua metodologi (hh. 20-24);

- 1- Melalui apa yang telah dinaskan oleh al-Quran sendiri. Iaitu sebarang matlamat atau tujuan, sifat dan sebab bagi al-Quran dan apa tujuan ia diturunkan. Serta apa yang diperolehi daripada membacanya dan mengikuti kesan-kesan dan faedah-faedahnya.

Contohnya seperti bertauhid kepada Allah dan beribadah kepada-Nya adalah satu bentuk tujuan atau maqasid yang dinyatakan dalam al-Quran. Begitu juga tunjuan untuk mendapat petunjuk agama dan keduniaan bagi seseorang hamba. Antara lain maqasid yang dinaskan dalam al-Quran adalah penyucian dan mendapatkan hikmah, rahmah dan kebahagiaan serta menegakkan kebenaran dan keadilan.

- 2- Melalui analisis kepada kandungan dan hukum-hukum yang terperinci. Iaitu mengeluarkan unsur-unsur yang berhimpun sebagai fokus atau seruan al-Quran. Seperti mana dinukilkan analisis al-Baqa'i tentang maqasid surah al-Ikhlas, iaitu menjelaskan aqidah, hukum dan penceritaan (*al-qasas*).

Antara perkara yang menjadi penekanan dalam fasal ini adalah tujuan maqasid al-Quran. Al-Raysuni menjelaskan kepentingan dan faedah secara ringkas mengetahui maqasid al-Quran al-Karim, iaitu; penguasaan maqasid al-Quran merupakan asas sempurna untuk memahami intipati al-Quran dengan benar, tanpa penambahan dan terkurang, tiada melampau dan mengambil lewa. Begitu juga pembacanya dapat memahami makna ayat secara terperinci dan tujuannya secara khusus. Selain itu, penguasaan maqasid al-Quran boleh menjadi penanda aras untuk menimbang tindakan individu dan masyarakat pada setiap sudut dan ruang lingkup. Bahkan, maqasid ini juga menjadi penanda aras dan garis panduan penting kepada para pentafsir dalam penafsiran al-Quran (hh. 41-43).

Seterusnya dalam sub topik kedua, setelah perbincangan mengenai maqasid al-Quran, sudah tentu maqasid al-Sunnah menjadi topik perbincangan. Al-Raysuni dalam topik ini sangat menekankan kedudukan al-Sunnah iaitu penjelasan utama untuk memahami al-Quran. Jadi al-Sunnah adalah sebagai penguat kepada asas-asas di dalam al-Quran dan satu bentuk implementasi kepada maqasidnya. Dalam topik ini tidak dijelaskan maqasid umum bagi al-Sunnah kerana dilihat berulang dengan perbincangan maqasid umum al-Quran. Hal ini disebabkan kedudukan al-Sunnah sangat berkait rapat dengan al-Quran sehingga memaparkan maqasid umum yang hampir sama. Dalam topik ini juga dijelaskan dua perkara yang membantu untuk memahami maqasid al-Sunnah iaitu; mengetahui sifat yang disandarkan atau dihubungkan dengan sesuatu hadis dan mengetahui sebab terbitnya serta konteks sesuatu hadis. Dua perkara itu saling melengkapi untuk memperolehi kefahaman maqasid al-Sunnah (h. 50).

Pada fasal kedua, buku ini menitipkan tujuan maqasid dalam lapangan fiqh dan ijtihad (*maqasid al-maqasid fi al-fiqh wa al-ijtihad al-fiqhi*). Bab ini adalah penyempurnaan kepada kefahaman dan penguasaan maqasid, sebagaimana yang disebut al-Raysuni ia umpama hubungan ruh dan jasad. Jasad yang tidak disertai ruh adalah sesuatu yang sia-sia. Begitulah fiqh yang tidak membawa ruh maqasid. Fasal ini mengandungi dua sub topik iaitu; “maqasid dan ijtihad” dan “penggunaan maqasid dalam ijtihad fiqh, bentuk serta prosesnya.”

Pada *mabhath* atau sub topik yang pertama ini, bertemakan maqasid dan ijtihad, al-Raysuni telah memulakan perbincangan dengan menjelaskan bahawa keperluan mujtahid untuk memahami maqasid Syariah. Hal ini adalah sesuatu yang tepat kerana penguasaan kepada maqasid adalah salah satu daripada syarat bagi seorang mujtahid. Al-Raysuni telah membawa pandangan tiga orang tokoh untuk menyokong pandangannya iaitu al-Syatibi, Ibn ‘Asyur dan Ibn Bayyah. Tiga tokoh tersebut adalah ulamak yang terkemuka khususnya dalam aspek maqasid Syariah. Ketiga-tiga tokoh ini dilihat bersepakat dalam memposisikan maqasid Syariah sebagai elemen keilmuan penting dalam melakukan Ijtihad (hh. 71-74).

Selain itu, antara aspek penting yang boleh dijadikan fokus adalah apabila al-Raysuni menjelaskan bagaimana dapat mempertimbangkan maqasid sentiasa atau berpanjangan. Justeru, perkara utama yang penting adalah mujtahid itu sendiri perlu sentiasa sedar bahawa

dalam setiap hukum tersebut mempunyai tujuan tertentu. Dalam erti kata lain, hukum itu terikat dengan tujuan atau maqasidnya. Maqasid juga perlu difahami konteks dan ruang lingkupnya. Al-Raysuni menyenaraikan tiga ruang lingkup cakupan maqasid iaitu; ruang maqasid yang bersifat *kulli* lagi umum, ruang maqasid yang khusus dan ruang maqasid yang *juz'i* (h. 75).

Tidak dinafikan lagi ruang yang dimaksudkan ini perlu menjadi pertimbangan dalam perlaksanaan ijтиhad. Maqasid umum yang dijelaskan sudah tentu berkait dengan menarik kebaikan (*maslahah*) dan menolak kerosakan (*mafsadah*), kemudian lahir daripada maqasid umum ini adalah maqasid *kulliyah* yang meliputi kepentingan yang lima (*daruriyat al-khamsah*) iaitu agama, jiwa, keturunan, akal dan harta. Selepasnya pula lahir maqasid umum yang lain seperti keadilan, memakmurkan bumi, menjaga keamanan, menyucikan jiwa dan membebaskan manusia dari hawa nafsu. Al-Raysuni di sini juga dilihat cenderung menambah ruang lingkup maqasid umum sebagaimana sebahagian ulama semasa yang lain.

Tidak terhenti di situ, al-Raysuni juga menjelaskan mengenai ruang lingkup maqasid yang khusus. Maqasid khusus dalam konteks perbincangan ini adalah maqasid yang diraikan dalam lapangan bidang tertentu seperti solat, muamalat, jenayah dan pemerintahan. Maqasid perlaksanaan solat sebagai contoh adalah membesarangkan Pencipta, menyucikan jiwa dan menyuburkan hati. Manakala ruang lingkup maqasid *juz'iyyah* adalah maqasid yang lebih terfokus melibatkan masalah-masalah yang terperinci hukum fiqh. Namun, dengan pengamatan kepada maqasid *juz'iyyah* inilah yang membolehkan untuk sampai kepada kefahaman maqasid umum dan maqasid khusus.

Kemudian, pada *mabhat* (sub topik) yang kedua, penggunaan maqasid dalam ijтиhad fiqh, bentuk serta prosesnya menjadi topik perbahasan. Apa yang menarik, al-Raysuni cuba membetulkan salah faham sesetengah pihak yang hanya meraikan maqasid dalam aspek yang melibatkan kepentingan yang lima atau maslahah umum. Sedangkan perkara ini perlu menjadi pertimbangan dalam banyak aspek seperti, mengambil kira kesan dan akibat, Menyusun hukum dan mertabatnya mengikut kategori maslahah dan mafsadah, memhami nas apakah ia dimaksudkan secara hakikatnya atau mempunyai objektif lain dan seumpamanya.

Pada hakikatnya, al-Raysuni telah menyenaraikan sepuluh aspek yang perlu menjadi pertimbangan dalam proses ijтиhad. Namun, antara pertimbangan yang menarik ditonjolkan dalam pengambilkiraan kesan masa hadapan (*maalat*) dan akibat. Hal ini sesuatu yang jelas, apabila diketahui maqasid sesuatu hukum dan maslahahnya, ia bukanlah diraikan pada waktu terjadinya perbuatan tersebut atau pada waktu diletakkan hukum. Bahkan perlu dipertimbangkan maslahat atau objektif itu diraikan pada kesan dan akibatnya pada masa hadapan. Ini kerana, boleh jadi pada waktu sekarang ia merupakan maslahah, akan tetapi menjadi suatu bentuk mafsadah pada masa hadapan. Justeru, pertimbangan terhadap maqasid dalam ijтиhad hendaklah memerlukan pemerhatian yang dalam dan memerhati kesannya pada jangka masa pendek atau jangka masa panjang (hh. 78-79).

Pada fasal yang ketiga ini terdapat sedikit kekeliruan, kerana tajuk yang diletakkan adalah objektif keilmuan bagi maqasid. Perkara ini konsisten dari aspek penamaan fasal, pada pembahagi fasal dan pada isi kandungan. Namun, apa yang diamati dalam muqaddimah bagi fasal ini seolah menjurus kepada objektif beramal dengan maqasid Syariah. Al-Raysuni sendiri di dalam muqaddimah ini menjelaskan bahawa agama ini diturunkan menjadi satu metodologi ilmu dan amal. Kemudian ditekankan bahawa amal adalah intipati utama mengapa seseorang itu dituntut untuk menuntut ilmu, berikutan ilmu itu tidaklah dituntut semata-mata jika tidak ada faedah untuk diamalkan. Justeru, doktrin “ilmu hanya kerana ilmu” menurut al-Raysuni adalah tidak boleh diterima khususnya dalam ruang lingkup ilmu Syariah (hh. 105-106).

Maka dalam aspek ini dilihat ditekankan aspek amalan kepada ilmu, dalam makna yang lain adalah amalan kepada maqasid Syariah. Bahkan, dijelaskan juga, al-Quran yang merupakan ilmu utama dan mulia tidak datang sebagai bentuk ilmu semata-mata untuk memuliakan seseorang dan terhenti di situ, bahkan ia adalah ilmu untuk diamalkan. Selain itu, terdapat penegasan pada penghujung muqaddimah fasal yang ketiga oleh al-Raysuni bahawa, pada fasal pertama dan kedua telah dijelaskan objektif keilmuan maqasid Syariah, maka pada fasal yang ketiga ini adalah satu perbincangan mengenai objektif beramal dengan maqasid secara efektif. Justeru, dapat disimpulkan bahawa fasal ketiga ini adalah menjurus kepada suatu matlamat atau objektif beramal dengan maqasid Syariah (h. 106).

Dalam fasal ini terdapat dua sub topik (*mabhath*) iaitu; mengenai maqasid dan panduannya dalam lapangan *siyasah syar'iyyah* serta maqasid dan peranan membangkitkan semangat keberagamaan dalam kalangan mukallaf. Pada sub topik pertama ini dijelaskan mengenai keperluan *siyasah syar'iyyah* kepada maqasid Syariah. *Siyasah syar'iyyah* yang dimaksudkan adalah setiap ijtihad atau amalan yang berkait dengan pentadbiran urusan umum manusia di mana hendaklah menarik kemaslahatan atau memperbanyakannya serta menolak kerosakan atau mengurangkannya. Lantaran itu, *siyasah syar'iyyah* terkandung di dalamnya pendamaian, kemaslahatan, keadilan antara manusia. Al-Raysuni memetik pandangan Ibn Qayyim dan ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam dalam menjustifikasi pandangan beliau terhadap konsep *siyasah syar'iyyah* (hh. 107-108).

Secara umumnya, *siyasah sya'iyyah* dalam pentadbiran memenuhi dua ciri yang utama iaitu; pertama; kebergantungannya yang luas kepada pandangan, pengalaman dan fleksibiliti selari dengan keadaan yang berubah-ubah, dan kedua; dibangunkan atas asas menarik kemaslahatan dan menolak kerosakan (h. 109). Al-Raysuni menegaskan supaya pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan aspek *siyasah* atau sentiasa dalam wacana *siyasah syar'iyyah* hendaklah menjadikan maqasid Syariah sebagai kayu ukur bagi perkara yang hendak disempurnakan, ataupun sebagai cermin untuk melakukan refleksi bagi sesuatu yang telah sempurna. Dengan memahami apakah objektif utama pensyariatan, maka dalam pentadbiran yang berlandaskan *siyasah syar'iyyah* hendaklah bersifat fleksibel dari sudut perlaksanaan, penuh toleransi, bijaksana namun objektif utama yang digariskan syarak tetap tercapai.

Sub topik kedua daripada fasal ketiga daripada buku ini juga sangat menarik untuk dibincangkan. Ia adalah berkait membangkitkan semangat keberagamaan dalam kalangan mukallaf. Bagaimana kefahaman maqasid Syariah boleh menjadi pemangkin kepada amalan keberagamaan dalam umat Islam merupakan satu persolan yang menarik dibincangkan. Al-Raysuni dalam aspek ini mengemukakan satu perkara yang perlu difikirkan terlebih dahulu, iaitu maksud maqasid Syariah itu sendiri, berikutnya sebahagian wacana menjelaskan maqasid Syariah sebagai rahsia atau falsafah kepada Syariah. Justeru, perkara ini pada asasnya sesuatu yang sukar difahami (rahsia dan falsafah), kerana ia adalah di bawah kemampuan ulama untuk meneliti kedalam dan menyingkap rahsianya. Menurut al-Raysuni penggunaan istilah tersebut menimbulkan kesamaran (hh. 119-120).

Dari perspektif yang lain, al-Raysuni menjelaskan bahawa Syariah ini datang adalah untuk dikemukakan kepada umum manusia serta menyelesaikan permasalahan mereka. Oleh itu, sudah tentu hukum dan maqasid Syariah itu boleh dikuasai, diambil faedah dan diamalkan oleh semua manusia. Pandangan al-Raysuni ini pada hakikatnya boleh dipertimbangkan, akan tetapi untuk menggali (*mengistinbat*) dan menzahirkan maqasid Syariah ini daripada dalil

hendaklah dilakukan oleh ulama dan orang yang faqih. Dari sudut mengambil faedah, beramal dan mempelajarinya boleh dibuka kepada umum masyarakat.

Al-Raysuni menjelaskan mengenai keupayaan masyarakat umum untuk mengetahui maqasid al-Syariah. Menurut beliau, memahami maqasid al-Syariah tidaklah sesukar menguasai fiqh dan hukum-hukumnya, ia juga lebih mudah berbanding ilmu usul al-fiqh, ilmu kalam, *mustalah al-hadith* dan ilmu-ilmu bahasa Arab. Bahkan maqasid al-Syariah boleh diketahui secara terus daripada nas dan hukum-hukumnya. Oleh itu, maqasid Syariah boleh dipelajari di peringkat tinggi, iaitu ulamak dan penyelidik hukum dari sudut epistemologi, perincian dan *istidlal*. Ia juga boleh dipelajari di peringkat pertengahan iaitu dalam kalangan pelajar universiti yang bukan dari bidang Syariah. Bahkan, ia juga boleh dipelajari di peringkat yang lebih rendah dalam masyarakat umum. Namun, al-Raysuni sendiri menegaskan bahawa mengetahui maqasid al-Syariah bagi masyarakat umum bukannya bermaksud melakukan istinbat, memperakukan, menetapkan atau melakukan penyelidikan maqasid, kerana tugas tersebut adalah tanggungjawab ulama (h. 124).

Perbincangan dalam buku ini sangat menarik untuk diteliti oleh masyarakat umum khususnya para penyelidik hukum. Di dalamnya juga dikemukakan beberapa contoh kepada penjelasan dan ulasan yang telah diberikan. Bagi mereka yang berhasrat untuk mendalami maqasid al-Syariah hendaklah ia memahami objektif atau matlamat maqasid tersebut. Hal inilah yang mendorong kepada penulisan buku yang tidak terlalu tebal ini dengan penuh idea, pemikiran dan perbincangan yang membuka minda. Semoga penulisnya mendapat rahmat dan ganjaran daripada Allah SWT.

Muhammad Ikhlas Rosele (PhD)

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya